

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT AGUNG BAKTI KALI YANG KE-7
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 22-05-1984

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat petang dan selamat sejahtera;

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah Hussein, Tetamu Kehormat BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Tun Rahah;

Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz; Yang Berbahagia Puan Nor Farida Ariffin;

Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan;

Yang Berbahagia Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datin-Datin;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana atas limpah kurniaNya dapat kita berkumpul sekali lagi petang ini untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sambil beramah-mesra. Betapa bertuahnya BAKTI kali ini dengan kehadiran penaja utamanya Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah. Bagi pihak semua ahli BAKTI termasuk Ahli Bersekutu dan saya sendiri, saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah kerana sudi menerima jemputan untuk berucap dan merasmikan Mesyuarat Agung BAKTI pada petang ini. Atas dorongan dan dayautama beliaulah wujudnya pertubuhan isteri pemimpin-pemimpin negara di Kuala Lumpur yang sama-sama berusaha untuk membuat amal bakti kepada orang ramai.

Selain daripada itu, badan ini juga bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan dan kemesraan di kalangan isteri-isteri menerusi berbagai aktiviti. Kita dalam BAKTI, baik sebagai Ahli Biasa atau Ahli Bersekutu, perlulah sentiasa berpegang teguh kepada matlamat asas BAKTI ini, sama ada semasa kita bergiat di dalam atau pun di luar BAKTI, pada masa ini, mahu pun pada masa akan datang.

2. Di bawah pimpinan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila, BAKTI telah bergerak dengan cemerlang dan telah banyak membuat amal bakti. Jasa baik dan pimpinan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila akan dikenang dan dihargai oleh ahli-ahli BAKTI selama-lamanya.

Puan-Puan yang saya hormati,

3. Sepanjang tahun 1983/84, BAKTI telah menguruskan pemberian sumbangan derma lebih daripada kegiatan-kegiatan yang lain. Lawatan sambil belajar, ceramah dan sukan adalah antara kegiatan yang dijalankan. BAKTI juga menganjurkan pertunjukan kebudayaan pada bulan September 1983 bagi meraikan lawatan rasmi isteri Perdana Menteri Turki dan juga jamuan perpisahan untuk Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang ke 7 pada bulan Mac 1984. Di samping itu, BAKTI juga dapat bertemu dengan isteri Perdana Menteri dari Papua New Gunea dan Australia.

4. Kita tidak mengadakan apa-apa projek kutipan derma pada tahun lalu oleh kerana: pertama, hasil kutipan Projek Amal 1982 melebihi \$1 juta; dan kedua, untuk memberi peluang kepada para dermawan berehat dari sasaran BAKTI. Keputusan ini ada baik dan ada buruknya. Baiknya, ahli-ahli BAKTI yang bertungkus-lumus mengutip derma, dapat berehat, dan BAKTI tidak dituduh membolot semua derma dari orang ramai dan para dermawan setiap tahun, hingga badan-badan yang lain tidak berpeluang mengutip derma pula. Sebaliknya, oleh kerana tidak ada Projek Amal, ahli-ahli BAKTI jarang berjumpa dan tidak dapat bertugas bersama-sama. Kegiatan-kegiatan yang lain biasanya kurang sambutan, kerana kegiatan-kegiatan itu tidak sama pentingnya dengan usaha mengutip derma untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan.

5. Sepanjang tahun 1983 dan hingga bulan April 1984 ini, BAKTI telah mengeluarkan derma lebih setengah juta ringgit.

Seramai 19 individu telah dibantu mendapatkan rawatan kecemasan, 7 kumpulan mangsa banjir dan kebakaran diberi bantuan, 8 derma bantuan diberi kepada PIBG di luarbandar, termasuk Kementerian Pelajaran. Di samping itu semua hospital Kerajaan di seluruh negara akan dibekalkan dengan alat-alat "pacemaker". Sementara itu, dengan bantuan BAKTI, 2 buah negeri telah pun mula mewujudkan Yunit Satelit Hemodialisis bagi pesakit-pesakit buah pinggang. Yunit Kardiologi di Hospital Besar Kuala Lumpur dan di Hospital Universiti juga menerima bantuan yang agak besar dari BAKTI.

Selain daripada institusi-institusi Kerajaan ini, 15 badan sukarela telah juga menerima sumbangan BAKTI. Setengah juta ringgit lagi akan disumbangkan untuk menunaikan janji-janji BAKTI yang dibuat pada tahun lepas.

6. Pada tahun ini, BAKTI bergerak semula untuk mengisi Tabung Kebajikannya. Jawatankuasa Projek Amal 1984 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Maria Musa, Naib Yang Dipertua BAKTI, akan mengadakan satu lagi walkaton sejauh 4.2 km, bermula dari kawasan Parlimen. Saya mengambil peluang ini merayu kepada semua ahli BAKTI, termasuk Ahli Bersekutu dan semua keluarga kita supaya menyertainya. Puan-puan tentu masih ingat bagaimana riang dan mesranya Walkaton BAKTI tahun 1980, di mana suami-suami dan anak-cucu kita bersama berjalan untuk mendapatkan derma.

Saya berharap tarikh walkaton ini - 26 Ogos 1984 - akan dicatat dalam buku catatan harian masing-masing, supaya kita mula berusaha dari sekarang bagi mendapatkan penaja untuk kita berjalan beramai-ramai. Banyak lagi orang yang perlu dibantu dan banyak lagi rancangan yang perlu BAKTI laksanakan. Meluangkan masa satu pagi untuk berjalan sambil berbakti, menunjukkan bahawa isteri pemimpin-pemimpin negara sentiasa insaf, sedar dan rela membantu orang-orang yang kurang bernasib baik di negara kita ini.

7. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Tadbir yang mengelolakan Majlis Perasmian ini, juga kepada semua Jawatankuasa Kecil yang mengaturkan kegiatan masing-masing, Jawatankuasa Projek Amal yang sedang giat membuat persediaan walkaton 1984, dan semua orang perseorangan yang membantu BAKTI sepanjang tahun 1983 hingga kini.

8. Tidak lupa saya rakamkan penghargaan BAKTI kepada media massa yang sentiasa memberi kerjasama dan bantuan publisiti yang baik.

9. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada tetamu kehormat kita Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah yang sudi hadir bersama kita pada petang ini.

BERSATU BERJASA BERBAKTI Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.